

## KERAJAAN MALAYSIA

## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SEMBILAN



## KENYATAAN SEBUTHARGA

| Bil | No. Sebutharga       | Tajuk   | Syarat Pendaftaran  | Harga Borang & Bayaran Atas Nama                               |
|-----|----------------------|---|---|--|
| 1.  | JPSNS/SH/BPB/03/2022 | KERJA PENYIASATAN TANAH RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI RAYA, DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS | Berdaftar Dengan CIDB<br><br>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Beralamat di NEGERI SEMBILAN SAHAJA Serta Masih Sah<br><br>Gred : G2<br>Kategori : CE<br>Pengkhususan: CE12 | RM 50.00<br><br>Unit Kewangan, Ibu Pejabat JPS Negeri Sembilan |



2. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan, Tingkat 2, Blok C, Wisma Negeri, Seremban, 70503 Seremban, Negeri Sembilan** mulai dari **19 Julai 2022 (Selasa)**. Waktu penjualan borang sebutharga adalah dari **pukul 9.00 pagi sehingga pukul 1.00 tengahari**.
3. Dokumen Sebutharga kerja hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor. Kontraktor dikehendaki membawa satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebutharga.
4. Kontraktor yang ingin memasuki Sebutharga di atas adalah dikehendaki membayar Wang Tunai sebanyak **RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ringgit Sahaja)**.

5. Taklimat sebutharga adalah **DIWAJIBKAN** pada **18 Julai 2022 (Isnin), Masa 10.00 pagi. Tempat berkumpul : Dewan Latihan JPS Negeri Sembilan, Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Stor, Jalan Tunku Kurshiah, 70400, Seremban (Koordinat GPS: 2.73581, 101.95479)**. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera sahaja boleh menghadiri sesi taklimat. Kontraktor/ Syarikat **tidak boleh mewakilkan** pegawai selain daripada penama dalm PPK dan SPKK.
6. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor/ syarikat dikehendaki membawa perakuan/ sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut semasa membeli Dokumen Sebutharga.
7. Sebutharga ini akan ditutup pada **26 Julai 2022 (Selasa)**. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSIH, MUAFAKAT, SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ir. SAARI BIN ABDULLAH)** P.Eng,MIEM,  
A.M.S, P.M.C  
Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

- s.k
1. *Jurutera Daerah,  
JPS Daerah Port Dickson.*
  2. *Pusat Khidmat Kontraktor,  
Cawangan Negeri Sembilan Darul Khusus.*
  3. *Jabatan Kerja Raya,  
Daerah Port Dickson.*
  4. *Pejabat Daerah Dan Tanah,  
Daerah Port Dickson.*